



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2018/2019**

- NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM
- KOD KURSUS : UQI 10102 / UWA 10102
- KOD PROGRAM : BBA/ BBB/ BBC/ BBD/ BBE/ BBF/ BBG/
BDD/ BEJ/ BEV/ BFF/ BFR/ BIM/ BIP/
BIS/ BNA/ BNB/ BNC/ BND/ BNF/ BNG/
BNN/ BPA/ BPB/ BPC/ BPD/ BPP
- TARIKH PEPERIKSAAN: JUN / JULAI 2019
- JANGKA MASA : 2 JAM
- ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM
BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS
SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN
PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH SATU (21) MUKA SURAT

- S1** Apakah pengertian Islam dari segi istilah?
- A Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan mentauhidkanNya dengan penuh keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh
 - B Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan penuh kepatuhan yang lahir dalam diri sendiri dan beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
 - C Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan mentauhidkanNya, taat dan patuh dengan penuh keikhlasan serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa Nabi Muhammad S.A.W.
 - D Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan penuh keikhlasan yang lahir dalam diri sendiri dengan beriman sebahagian daripada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
- S2** Bagaimanakah cara menjadikan Islam sebagai al-Deen?
- A Menjadikan Islam sebagai agama rasmi sesebuah negara
 - B Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam ibadah khusus
 - C Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam semua aspek kehidupan
 - D Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam perundangan jenayah dan sosial

Soalan 3 hingga 5 adalah berdasarkan maksud keistimewaan akidah dalam **Jadual 1**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 1

A	Bersifat praktikal
B	Positif dan produktif
C	Sesuai sepanjang zaman
D	Kekal dan tidak berubah

- S3** Akidah Islam sentiasa bersesuaian dengan fitrah semulajadi manusia dan tiada percanggahan disebabkan oleh perubahan masa.
- S4** Mendidik manusia supaya sentiasa taat kepada perintah Allah S.W.T. dengan melakukan kebaikan dan menolak kejahatan demi melahirkan tamadun manusia yang mempunyai keimanan yang teguh.
- S5** Akidah yang dapat diterima oleh akal, bersifat kejiwaan, amali dan boleh melahirkan rasa takut serta gerun terhadap kekuasaan Allah S.W.T.

- S6 Manakah pernyataan berikut yang menjelaskan bahawa agama Islam bersifat universal?
- A Ajarannya tidak terhad kepada masa tertentu
 - B Bersumberkan wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah
 - C Meliputi seluruh undang-undang dan peraturan hidup manusia
 - D Sangat sesuai diamalkan oleh seluruh umat manusia di seluruh dunia
- S7 Apakah maksud ilmu Tauhid?
- A Ilmu yang membincangkan tentang penetapan pegangan kepercayaan kepada Allah S.W.T.
 - B Ilmu yang membahaskan tentang tatacara pengeluaran hukum seperti ilmu usul fiqh dan kaedah fiqhiyyah
 - C Ilmu yang memperkatakan tentang asas-asas agama seperti ilmu tafsir dan ilmu hadith terutama berkaitan ketuhanan
 - D Ilmu yang menjelaskan tentang sistem kehidupan bermasyarakat seperti prinsip muamalat, jenayah dan sistem kekeluargaan
- S8 Bagaimanakah asas utama untuk mencapai tahap ketaqwaan seseorang di sisi Allah S.W.T.?
- A Pegangan akidah yang benar
 - B Penghayatan akhlak yang terpuji
 - C Perlaksanaan ibadah yang sempurna
 - D Perlaksanaan syariah yang menyeluruh
- S9 Manakah berikut merupakan asas hukum dalam al-Quran?
- A Menzalimi ummah
 - B Menyulitkan keadaan
 - C Membebaskan manusia
 - D Beransur-ansur dalam penetapan hukum
- S10 Mengapakah semua bentuk penyelewengan terhadap al-Quran tidak akan berjaya dilakukan?
- A Serangan penyelewengan bukan dalam bahasa Arab
 - B Bentuk penyelewengan yang sangat mudah diketahui
 - C Ulama Islam berjaya mempertahankan keaslian al-Quran
 - D Al-Quran sudah mendapat jaminan penjagaannya daripada Allah S.W.T.

S11 Pilih pernyataan yang benar mengenai al-Quran.

- A Sumber rujukan kedua dalam Islam selepas al-Hadith
- B Menasakhkan hukum yang terdapat di dalam al-Hadith
- C Diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. dalam bahasa Arab
- D Diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. secara sekaligus di Mekah

S12 Manakah berikut merupakan fungsi al-Hadith?

- I Sumber hukum yang kedua selepas al-Quran
 - II Pentafsir dan penghurai bagi ayat al-Quran yang umum
 - III Penguat dan penyokong kepada hukum-hukum dalam al-Quran
 - IV Penerang dalam menentukan sesuatu hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 13 hingga 15 adalah berdasarkan kepada pembahagian dan jenis qiyas dalam **Jadual 2** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 2

A	<i>Qiyas Aula</i>
B	<i>Qiyas Jaliy</i>
C	<i>Qiyas Khafiy</i>
D	<i>Qiyas Musawi</i>

- S13** Kadi dilarang membuat keputusan secara tergesa-gesa diqiyaskan dengan larangan Nabi S.A.W. kepada kadi yang membuat keputusan dalam keadaan marah.
- S14** Larangan memukul orang tua diqiyaskan dengan larangan mengucapkan kata-kata yang menyakitkan hati orang tua.
- S15** Larangan menjual harta anak yatim diqiyaskan dengan larangan memakan harta anak yatim.

S16 Manakah berikut ini merupakan penekanan utama dalam pengajaran al-Quran ?

- I Menolak kesyirikan
- II Konsep ketauhidan Allah S.W.T.
- III Kepentingan memperakui kewujudan Allah S.W.T.
- IV Akhlak dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah S.W.T.

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S17 Apakah faktor yang menyebabkan lahirnya pengajian Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith?

- I Pembukuan al-Quran telah melahirkan ilmu untuk mengkaji kandungan al-Quran
- II Perbezaan pengalaman yang dialami oleh ulama terhadap permasalahan berkaitan pemahaman al-Quran dan al-Hadith
- III Peristiwa hadith telah bertebaran keluar dari Madinah telah melahirkan ilmu untuk memelihara keaslian hadith Rasulullah S.A.W.
- IV Penyebaran Islam dalam kalangan manusia yang berbeza bangsa, bahasa dan budaya memerlukan ilmu untuk memudahkan pemahaman terhadap al-Quran

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S18 Manakah antara berikut merupakan ilmu-ilmu pengajian al-Quran?

- I *Ilmu Mukhtalaf*
- II *Ilmu Asbab al-Nuzul*
- III *Ilmu Makki wal Madani*
- IV *Ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil*

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D II dan IV sahaja

Soalan 19 sehingga 21 adalah berdasarkan kepada Tokoh *Kutub al-Sittah* dalam **Jadual 3**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 3

Tokoh	Kaedah Pemilihan Hadith dalam Kitab .
X	i. Perawi hendaklah sezaman dengan gurunya ii. Perawi hendaklah benar-benar mendengar hadith yang diriwayatkan daripada gurunya dan bukan daripada orang lain
Imam Muslim	i. Membentangkan hadith di hadapan gurunya ii. Bahagian yang dikritik oleh gurunya akan dikeluarkan daripada senarai kitabnya iii. Meletakkan hadith yang diyakini sahaja sebagai hadith <i>sahih</i>
Imam Al-Tirmidzi	Y

S19 Siapakah tokoh X yang dinyatakan di dalam **Jadual 3**?

- A Muhammad bin Ismail bin Ibrahim
- B Malik bin Anas bin Abi Amir al-Asbahi
- C Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi
- D Muhammad bin Isa bin Sawrah bin Musa bin al-Dahhak al-Tirmidzi

S20 Apakah nama kitab yang telah ditulis Imam Muslim?

- A Kitab *al-Sahih*
- B Kitab *al-Sunan*
- C Kitab *al-Kabhir*
- D Kitab *al-Muwatta'*

S21 Bagaimanakah kaedah pemilihan hadith yang telah dilakukan oleh Imam al-Tirmidzi?

- A Membentangkan hadith kepada kira-kira 70 orang ulama di Madinah untuk mendapat pengesahan tentang kesahihan hadith
- B Mengumpul, menyusun dan meriwayatkan hadith yang masyhur dengan melakukan penyelidikan ke atas sanad, matan dan meneliti bahan-bahan tulisan, kertas serta dakwat yang digunakan untuk menulis hadith
- C Membuat pemilihan sumber dengan teliti dan menolak untuk menggunakan satu sumber hadith yang penting sekiranya terdapat satu riwayat sahaja yang dicemari oleh seorang periwayat yang dikenalpasti sebagai lemah
- D Mengumpul dan menyusun segala hadith Nabi S.A.W. secara sistematik, membincangkan pendapat para ulama berkaitan hukum-hukum yang terdapat di dalam hadith dan menentukan kualiti hadith-hadith yang ditemui sama ada terdapat *'illah* atau kelemahan

Soalan 22 hingga 24 adalah berdasarkan bentuk-bentuk penerimaan al-Hadith dalam **Jadual 4**. Pilih jawapan yang menunjukkan maksud yang betul.

Jadual 4

A	<i>Al-Sama'</i>
B	<i>Al-Ijazah</i>
C	<i>Al-Qira'ah</i>
D	<i>Al-Munawalah</i>

- S22** Guru saling memberikan kitab atau hadith yang telah dicatatkan kepada muridnya dan murid meriwayatkan daripada gurunya.
- S23** Murid telah menulis atau menghafal sesuatu hadith, membacanya semula di hadapan guru untuk mendapatkan pengesahan.
- S24** Pendengaran secara terus oleh periwayat kepada lafaz yang dikeluarkan oleh gurunya.
- S25** Apakah aliran akidah yang menjadi pegangan majoriti umat Islam di Malaysia khususnya dan di dunia amnya?
- A Syafieyyah
B Wahabiyah
C Hanafiyah
D Ahli Sunnah Wal Jamaah
- S26** Apakah sumber yang menyatakan umat Islam akan berpecah kepada beberapa golongan pada akhir zaman?
- A *Al-Qiyas*
B *Al-Ijmak*
C *Al-Quran*
D *Al-Hadith*
- S27** Berapakah golongan umat Islam yang menyeleweng dari ajaran Islam di akhir zaman?
- A 70
B 72
C 73
D 74

Soalan 28 dan 29 adalah saling berkaitan.
Pilih jawapan yang betul.

S28 Siapakah yang menyatakan seorang mukmin yang melakukan dosa besar tidak akan masuk ke dalam syurga atau neraka?

- A Wasil bin Ata'
- B Abu Ali al-Jubai
- C Ma'bad al-Juhani
- D Al-Ja'd ibn Dirham

S29 Apakah mazhab akidah yang dipelopori oleh beliau?

- A Jabariyah
- B Khawarij
- C Qadariyah
- D Muktaẓilah

S30 Pilih ciri-ciri akhlak Ahli Sunnah Wal Jamaah.

- I Memerangi golongan kafir
 - II Mengajak hidup dalam jemaah muslimin
 - III Melakukan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*
 - IV Memastikan golongan murtad segera dibunuh
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D II dan IV sahaja

Soalan 31 hingga 32 adalah berdasarkan kaedah pentafsiran ayat-ayat al-Quran dalam **Jadual 5**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 5

A	<i>Ta'wil</i>
B	<i>Tajsim</i>
C	<i>Tasybih</i>
D	<i>Tafwidh</i>

S31 Apakah kaedah yang digunakan oleh golongan khalaf dalam mentafsir dan memahami ayat-ayat *mutasyabihat*?

S32 Apakah kaedah yang digunakan oleh golongan yang mentafsirkan ayat *mutasyabihat* dengan memberikan gambaran mengikut rasional dan logik akal manusia?

Soalan 33 hingga 35 adalah berdasarkan bentuk aliran pemikiran dalam **Jadual 6**.
Pilih jawapan yang betul.

Jadual 6

Faktor Pembentukan Aliran Pemikiran	Golongan
Pertelingkahan Politik	P
	Syiah
Pertelingkahan Q	Qadariyah
	R
Penyelewengan agama lain	S
	<i>Mujassimah</i>

S33 Siapakah golongan **P**?

- A Khawarij
- B Jabariyah
- C Muktaizilah
- D Mushabbihah

S34 Apakah faktor kemunculan golongan **R**?

- A Pertelingkahan akidah
- B Pertelingkahan ekonomi
- C Pertelingkahan pengikut
- D Pertelingkahan pemimpin

S35 Manakah agama yang mempengaruhi kemunculan golongan **S**?

- A Majusi
- B Yahudi
- C Kristian
- D Jahiliyyah

S36 Pilih faktor berkembangnya ajaran sesat dalam masyarakat.

- I Sikap sambil lewa masyarakat
 - II Terjebak dalam masalah sosial
 - III Menjauhi ajaran al-Quran dan al-Sunnah
 - IV Berpegang teguh dengan adat dan kepercayaan
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 37 hingga 40 adalah berdasarkan golongan aliran pemikiran dalam **Jadual 7**.
Pilih jawapan yang betul.

Jadual 7

A	Khawarij
B	Qadariyah
C	Muktazilah
D	Mujassimah

- S37** Golongan manakah yang berpendapat orang yang melakukan dosa besar kafir dan kekal dalam neraka?
- S38** Golongan manakah yang mencampuradukkan akidah dengan falsafah Yunani dengan mendahulukan akal dari al-Quran dan al-Sunnah?
- S39** Siapakah golongan yang mengatakan bahawa segala perbuatan manusia adalah hasil dari kuasa dan kehendak manusia sendiri?
- S40** Siapakah golongan yang berpendapat bahawa al-Quran adalah makhluk?

S41 Manakah berikut benar tentang mazhab?

- I Berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud perjalanan
 - II Bermaksud pendapat ulama dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan tertentu
 - III Aliran pendapat ulama Islam yang terhasil daripada segala daya usaha mereka untuk memahami nas al-Quran dan al-Hadith
 - IV Merupakan aliran pemikiran yang diusahakan oleh ulama Islam bertujuan untuk menolak fahaman dan pendapat daripada aliran yang lain
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S42 Jelaskan faktor berlakunya perbezaan hukum antara mazhab dalam kalangan para mujtahid pada zaman Tabi' dan Tabi' Tabiin.

- I Pembukaan kota-kota baharu
 - II Penguasaan bahasa yang lemah
 - III Pergaulan antara orang Farsi dan Eropah
 - IV Pertembungan pemikiran antara agama dan budaya
- A I dan II sahaja
 - B I dan IV sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D II dan IV sahaja

Soalan 43 dan 44 adalah contoh-contoh masalah feqah berkaitan dengan faktor kelahiran mazhab dalam **Jadual 8**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 8

A	Perbezaan dari segi kepakaran ulama dalam sesuatu bidang ilmu
B	Perbezaan pendapat dalam memahami dan mentafsirkan sesetengah ayat al-Quran
C	Perbezaan fahaman dan mentafsir hadith Rasulullah S.A.W. dari segi kedudukan sesuatu hadith
D	Perbezaan pandangan hasil pergolakan politik dalam masyarakat dalam menentukan jawatan khalifah

S43 Hukum batal wuduk dengan bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.

S44 Hukum keseluruhan badan anjing adalah najis yang berat.

- S45** Apakah hikmah di sebalik perbezaan pendapat dalam kalangan ulama feqah yang membawa kepada kemunculan mazhab?
- A Sebagai tanda yang umat Islam akhir zaman ini akan berpecah-pecah
 - B Sebagai rahmat kepada umat Islam agar sesuatu amalan ibadah itu sentiasa sesuai sepanjang zaman
 - C Syariat Islam itu sangat luas sehingga tidak ada kesepakatan di kalangan ulama-ulama feqah di dalam sesuatu masalah
 - D Sebagai galakan kepada umat Islam agar senantiasa menuntut ilmu agar dapat merungkai segala permasalahan manusia yang sering berubah

Soalan 46 adalah berdasarkan **Pernyataan 1** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 1

Nama beliau adalah Muhammad bin Idris. Beliau menggunakan dasar istinbat hukum dengan merujuk kepada al-Quran dan al-Hadith sebagai asas

- S46** Siapakah tokoh mazhab yang disebutkan dalam **Pernyataan 1**?
- A Imam Syafie
 - B Imam Maliki
 - C Imam Hanafi
 - D Imam Hambali
- S47** Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan mazhab Feqah dalam Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- A Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie, dan Jaafari
 - B Mazhab Hanafi, Maliki Hanbali dan Jaafari
 - C Mazhab Hanafi, Hanbali, Zahiri dan Jaafari
 - D Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali
- S48** Apakah mazhab rasmi bagi Empayar kerajaan Islam Othmaniah?
- A Mazhab Syafie
 - B Mazhab Maliki
 - C Mazhab Hanafi
 - D Mazhab Hanbali

S49 Apakah hukum faedah tetap yang diberi oleh bank dalam Islam?

- A Sunat
- B Harus
- C Haram
- D Makruh

S50 Apakah prinsip dalam Sistem Muamalat Islam?

- I Pemilikan harta adalah satu amanah
 - II Unsur *gharar* atau penipuan diharamkan
 - III Berteraskan keimanan kepada Allah S.W.T.
 - IV Mengeneppikan sifat jujur, amanah dan mementingkan diri
- A I, II dan III sahaja
 - B II, III dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S51 Apakah yang dimaksudkan Takaful?

- A Bantuan atau derma
- B Jaminan dan gantirugi
- C Derma atau sumbangan
- D Hadiah dan bantuan kewangan

S52 Manakah faktor yang mengharuskan Takaful dalam Islam?

- I Bukan berorientasikan kepada kontrak jual beli
 - II Bukan bertujuan mengaut keuntungan semata-mata
 - III Berbentuk perniagaan yang berorientasikan keuntungan
 - IV Berbentuk sumbangan kepada individu yang menerima musibah
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S53 Manakah antara berikut merupakan Institusi Kewangan dalam Islam?

- I Zakat
 - II Wakaf
 - III Takaful
 - IV Baitulmal
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S54 Manakah pembahagian *mudharabah* dalam Sistem Muamalat Islam?

- I *Mudharabah Mutlaqah*
 - II *Mudharabah Mudharib*
 - III *Mudharabah Murabahah*
 - IV *Mudharabah Muqayyadah*
-
- A I dan II sahaja
 - B I dan IV sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D II dan IV sahaja

S55 Apakah maksud *Aqad Tabarru*?

- A Perjanjian atau kontrak yang berorientasikan keuntungan
- B Perjanjian atau kontrak yang berasaskan perkongsian dalam perniagaan
- C Perjanjian atau kontrak yang dilaburkan dalam instrumen patuh syariah
- D Perjanjian atau kontrak yang bukan bertujuan untuk mencari keuntungan

S56 Pilih pernyataan yang benar tentang produk perbankan Islam.

- I *Bai' al-Salam* adalah penangguhan penyerahan barang yang telah dibayar oleh pembeli mengikut syarat-syarat tertentu
- II *Bai' bi Thaman Ajil* adalah jualan penambahan untung yang dipersetujui antara pembeli dengan penjual dengan syarat-syarat tertentu
- III *Bai' al-Tawarruq* adalah suatu kontrak pembelian komoditi secara pembayaran tertangguh sama ada melalui jualan terus atau kontrak *murabahah*
- IV *Bai' al-Inah* adalah seseorang menjual barang dengan harga tertangguh kemudian membelinya semula dalam majlis yang sama dengan harga tunai yang berbeza kadarnya
- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

Soalan 57 hingga 59 adalah berdasarkan tujuan perkara *dharuriyyat* di **Jadual 9** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 9

A	Memelihara akal
B	Memelihara harta
C	Memelihara nyawa
D	Memelihara maruah

- S57 Penggubalan Akta Anti Berita Tidak Benar bagi membendung penyebaran fitnah dalam masyarakat.
- S58 Penubuhan Pusat Pemulihan *Cure And Care* di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- S59 Penggubalan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram bagi melucutkan hak milik dan transaksi yang dilaksanakan oleh pesalah laku kewangan.

Soalan 60 dan 63 adalah berdasarkan kesalahan dan hukuman Undang-undang Jenayah Islam dalam **Jadual 10**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 10

Kesalahan	Hukuman
W	Rejam sampai mati
Menuduh zina	X
Membunuh dan merompak	Y
Z	Buang daerah dan dibunuh

S60 Apakah kesalahan W?

- A Berzina bagi yang bujang
- B Membunuh dan merompak
- C Membunuh tanpa merompak
- D Berzina bagi yang telah berkahwin

S61 Nyatakan hukuman X?

- A Buang daerah
- B Dirotan sebanyak 40 kali
- C Dirotan sebanyak 80 kali
- D Dirotan dan dibuang daerah

S62 Apakah kesalahan Z?

- A Berzina
- B Minum arak
- C Memberontak
- D Menuduh Zina

S63 Nyatakan hukuman Y?

- A Balas bunuh
- B Buang daerah
- C Balas bunuh dan salib
- D Potong tangan dan kaki secara bersilang

- S64 Apakah perkataan yang sinonim dengan perkataan *al-Jinayah*?
- A *Al-Jarimah*
 - B *Al-Fatanah*
 - C *Al-Nadamah*
 - D *Al-Khatimah*
- S65 Manakah berikut adalah syarat sesuatu pekerjaan diangkat menjadi ibadah dalam Islam?
- I Melakukan pekerjaan yang halal
 - II Sentiasa memelihara dan menghormati hak-hak orang lain
 - III Tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan syarak
 - IV Berusaha mencapai matlamat tanpa mengira apa jua jenis kaedah yang diguna pakai
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S66 Mengapakah sesuatu pekerjaan itu memerlukan integriti yang tinggi?
- A Mendapat pelbagai keistimewaan daripada organisasi
 - B Bagi memenuhi prinsip moral, etika dan undang-undang
 - C Bagi memastikan memperoleh kepuasan kerja yang optimum
 - D Jaminan untuk memperoleh keuntungan yang besar kepada organisasi
- S67 Manakah antara berikut adalah takrif yang menjelaskan konsep etika?
- I Ilmu mengenai budi pekerti
 - II Ilmu mengenai integriti dan akauntabiliti
 - III Ilmu yang menghimpunkan nilai dan moral
 - IV Ilmu prinsip moral tentang perlakuan manusia dan organisasi sosial
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S68 Bagaimanakah majikan memastikan orang ramai dapat mencapai tahap kepuasan optimum semasa membuat urusan dengan pekerjanya?
- A Membuat pemantauan ke atas pekerja setiap masa
 - B Mengenalpasti kod etika yang sesuai untuk semua pekerja
 - C Memasang kamera *CCTV* untuk merakam gerak geri pekerja
 - D Menyediakan Piagam Pelanggan untuk dijadikan panduan kepada pekerja

Soalan 69 merujuk kepada **Pernyataan 2** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 2

'Amat besar kebenciannya di sisi Allah, iaitu apabila kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak lakukan.'

(Surah al-Saf, ayat 3)

- S69 Apakah konsep yang tepat merujuk kepada pengertian ayat al-Quran dalam **Pernyataan 2**?
- A Konsep integriti
 - B Konsep integriti individu
 - C Konsep integriti organisasi
 - D Konsep integriti penjawat awam

Soalan 70 adalah berdasarkan maksud hadith dalam **Pernyataan 3** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 3

"Barangsiapa bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah"

(Riwayat al-Bukhari)

- S70 Apakah pengajaran utama hadith dalam **Pernyataan 3**?
- A Kewajipan untuk berjihad
 - B Berbuat baik kepada anak dan isteri
 - C Keutamaan untuk mencari rezeki yang halal
 - D Bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk mencari pahala

Soalan 71 adalah berdasarkan maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 4** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 4

“Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan apa yang terdaya olehnya”

(al-Baqarah: 286)

S71 Apakah pengajaran yang dapat difahami dari maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 4**?

- I Seseorang individu tidak akan mengeluh terhadap tugasnya walaupun sukar untuk dilaksanakan
 - II Allah S.W.T. itu bersifat dengan sifat yang Maha Adil lagi Maha Penyayang terhadap seluruh hambaNya
 - III Tugas yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada seseorang individu adalah berdasarkan kemampuan individu berkenaan
 - IV Seseorang pekerja mampu menyelesaikan segala tugas yang diberikan kepadanya melainkan diri sendiri enggan melaksanakannya
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 72 adalah berdasarkan maksud hadith dalam **Pernyataan 5** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 5

“Sesungguhnya Allah menyukai orang yang tidak menyusahkan pekerjaan dan yang jernih mukanya dalam menghadapi manusia”

(Riwayat al-Baihaqi)

S72 Apakah yang dianjurkan oleh hadith di dalam **Pernyataan 5** kepada para pekerja?

- I Berlaku adil terhadap sesama manusia
 - II Sentiasa bersangka baik dalam menguruskan sesuatu masalah
 - III Bersikap pilih kasih terhadap pekerja untuk memudahkan urusan
 - IV Sentiasa berusaha untuk memudahkan urusan antara sesama manusia
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S73 Manakah antara berikut bukan merupakan objektif perkahwinan?
- A Kesempurnaan hidup
 - B Memelihara kehormatan diri
 - C Memenuhi adat dalam masyarakat
 - D Memperluas dan mengerat silaturrahim
- S74 Manakah antara berikut merupakan susunan keutamaan hak hadanah selepas perceraian?
- A Bapa, ibu yang belum berkahwin dengan lelaki lain, nenek sebelah bapa, nenek sebelah ibu
 - B Ibu yang belum berkahwin dengan lelaki lain, nenek sebelah ibu, bapa, nenek sebelah bapa
 - C Ibu yang belum berkahwin dengan lelaki lain, bapa, nenek sebelah ibu, nenek sebelah bapa
 - D Bapa, nenek sebelah ibu, ibu yang belum berkahwin dengan lelaki lain, nenek sebelah bapa

Soalan 75 hingga 77 adalah berdasarkan maksud bagi isu yang berkaitan Sistem Kekeluargaan Islam dalam **Jadual 11**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 11

A	<i>Li'an</i>
B	<i>Zihar</i>
C	<i>Dharar</i>
D	<i>Khulu'</i>

- S75 Suami menyamakan isteri atau mana-mana bahagian anggota isteri dengan ibunya atau mana-mana perempuan yang mahram baginya.
- S76 Isteri membebaskan diri daripada ikatan perkahwinan dengan membayar ganti rugi atau memulangkan mahar kepada suaminya.
- S77 Suami bersumpah dengan disertakan lafaz laknat dari Allah S.W.T. kerana menolak hukum qazaf yang dikenakan ke atasnya bagi tuduhan zina terhadap isteri atau menafikan nasab keturunan.

Soalan 78 adalah berdasarkan situasi dalam **Pernyataan 6** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 6

Salman seorang suami yang malas dan tidak bekerja. Segala perbelanjaan rumahtangga dan keperluan anak-anak adalah ditanggung oleh isterinya sehingga menyebabkan isterinya mengalami tekanan perasaan dan terpaksa dimasukkan ke dalam hospital.

S78 Apakah isu perkahwinan yang boleh disabitkan kepada suami dalam situasi di **Pernyataan 6**?

- A *Khulu'*
- B *Dharar*
- C *Nusyuz*
- D *Hadanah*

S79 Seorang suami menjatuhkan talak ke atas isterinya dengan talak tiga (3) sekaligus. Nyatakan kedudukan talak tersebut menurut mazhab Syafie.

- A Talak 1
- B Talak 2
- C Talak 3
- D Tidak jatuh jalak

S80 Apakah bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam menjatuhkan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak?

- A Denda sehingga RM3000 atau sebatan 6 rotan atau penjara sehingga 5 tahun atau mana-mana kombinasi hukuman
- B Denda sehingga RM3000 atau sebatan 5 rotan atau penjara sehingga 6 tahun atau mana-mana kombinasi hukuman
- C Denda sehingga RM6000 atau sebatan 3 rotan atau penjara sehingga 3 tahun atau mana-mana kombinasi hukuman
- D Denda sehingga RM5000 atau sebatan 6 rotan atau penjara sehingga 3 tahun atau mana-mana kombinasi hukuman

- SOALAN TAMAT -